**PELAN PENGAJARAN MUZIUM**

| | |
|---|---|
| **Tajuk**<br><br>**Sub Topik** | TAMADUN AWAL MANUSIA SEJARAH TINGKATAN 4 (SEKOLAH MENENGAH)<br><br>Kerajaan-Kerajaan Awal di Asia Tenggara |
| **Objektif** | 1. Memperjelaskan dan memberi gambaran tepat kepada pelajar tentang fungsi, maksud dan ciri-ciri kerajaan agraria dan maritim.<br><br>2. Memperjelaskan kepada pelajar kepentingan laluan maritim kepada kerajaan Melayu awal.<br><br>3. Merangsang pemikiran dan kreativiti pelajar bagi melahirkan idea-dea yang kreatif dan inovatif. |
| **Aktiviti** | 1. Pelajar dibawa meneroka dan menghayati kesinambungan kerajaan awal di galeri dan diberi penerangan, pendedahan berkaitan artifak kerajaan Melayu awal secara menyeluruh.<br><br>2. Pelajar perlu mengintrepetasi artifak-artifak yang berhubung kait dengan tamadun Melayu awal.<br><br>3. Pelajar perlu menganalisis dan memberi pandangan berkaitan teori-teori awal kerajaan Melayu dalam konteks masa kini.<br><br>4. Menonton LCD / VCD berkaitan dengan koleksi, sama ada matawang, tapak-tapak bersejarah, ukiran-ukiran seni bina, candi dan patung-patung penyembahan.<br><br>5. Melakonkan semula peristiwa-peristiwa penting yang memaparkan kehebatan dan kelangsungan empayar kerajaan Melayu berdasarkan sumber rujukan sekunder.<br><br>6. Menganalisis sistem pemerintahan dan perlaksanaan kanun-kanun, sistem perwarisan dan pembentukan negara bangsa.<br><br>7. Membahagikan pelajar kepada dua kumpulan bagi membahaskan bentuk sistem pemerintahan kerajaan Melayu awal dan perbandingan dengan masa kini.<br><br>8. Melakukan aktiviti eksplorasi dan ekskavasi tapak sejarah bagi mencari bukti tinggalan sejarah kerajaan Melayu awal.<br><br>9. Menaakul dan mengintepestasi fakta Sejarah berdasarkan bahan secara hands-on. |
| **Koleksi** | Bahan muzium : alat memerah tebu, alat lesung batu, alat lesung kaki dan tangan, batu giling, perahu sagor, perahu layar, alat sukatan, mata wang kerajaan Melayu |

| | |
|---|---|
| **BBM** | Komputer, Multimedia, LCD, slaid power point, replika artifak yang bersesuaian |
| **Refleksi** | 1. Mengenalpasti pengetahuan sedia ada pelajar berkenaan lambang-lambang dan ciri-ciri asas negara bangsa pada zaman kerajaan Melayu awal.<br><br>2. Pelajar menjawap kuiz berkaitan perbezaan ciri-ciri negara bangsa di antara zaman kerajaan Melayu awal dan Malaysia.<br><br>3. Pelajar mengulas kepentingan ciri-ciri yang menjadi warisan asas kepada negara bangsa kerajaan Malaysia.<br><br>4. Pelajar memberi pandangan terhadap pembelajaran oleh muzium sebelum dan selepas proses PdP dan modul permuziuman. |